

Q

**REVOLUSI ISLAM IRAN:
SATU KAJIAN TENTANG PERTEMBUNGAN
DI ANTARA PERADABAN
ISLAM DAN BARAT**

WAN MOHAMAD MARZUQI BIN WAN HASHIM

**DISERTASI INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SASTERA
(PENGAJIAN PERADABAN) UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510789356

ABSTRACT

Iran's Islamic Revolution in 1979 appeared to be the most unique revolution in the 20th century history of mankind. The revolution was aimed at terminating the influence of Western civilization which had been in control of Iran's political and economic aspects; and reviving the Islamic culture and values that had for so long been in a state of deteriorating since the interference of Western powers in Eastern affairs.

Shiite clergymen institution was the mastermind in generating the mass movement against the Shah of Iran whose modernization policy had given birth to the instability of the nation. Since modernization is often associated with westernization, then the Western values and cultures, especially those which had been incompatible with the Islamic civilization, gradually evolved thus eroded some of the local values, leaving the Muslims to face the problem of losing their own identity. The incident had caused fear among the clergymen as well as nationalists. The most important figure behind the movement was Ayatollah Khomeini, a Shiite religious leader who succeeded in uniting the Iranians under the banner of Islam against the Shah and his alliances. By using his *fatwa* (religious ruling) in the matter of leadership, Khomeini successfully made an interpretation of Shiite faith in the Hidden Imam by claiming the legitimacy of *faqih* to run the country and called for the dethronement of Shah. The Revolution of 1979, hence, erupted throughout the country as a result of the clash of civilizations between Islam and the West.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t. yang memberikan taufiq dan inayahNya kepada saya menyiapkan disertasi ini. Tentu masih jauh lagi dari kesempurnaannya. Namun oleh kerana usaha ini bertujuan melihat punca permasalahan umat Islam pada hari ini, maka isu pertembungan peradaban diketengahkan. Sehubungan itu, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak dalam membantu saya menyiapkan disertasi ini. Pertama sekali ucapan tersebut saya rakamkan kepada kedua orang tua saya: Wan Hashim bin Wan Ahmad, bapa; Shariffah Zaharah binti Syed Mohamed, ibu; dan adik perempuan saya, Wan Murshida binti Wan Hashim yang banyak memberikan semangat dan dorongan. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada isteri saya, Aida Adzura binti Ahmad Alwi, yang turut sama memberikan bantuan serta semangat kepada saya sehingga berjaya menyiapkannya.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Mohammad Redzuan Othman, yang banyak memberikan nasihat dan pandangan kepada saya terutama sekali mengenai kaedah penulisan disertasi ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau, disertasi ini tidak mungkin dapat ditulis mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak Universiti Malaya. Saya juga tidak melupakan jasa baik beberapa orang ahli akademik lain yang memberikan pandangan berhubung dengan isu pertembungan di antara peradaban Islam dan Barat. Saya sempat bertemu dengan Prof. Dr. Mahmoud dari Universiti Isfahan, Iran dan beliau memberikan pandangan tentang Revolusi 1979 sewaktu lawatannya ke Universiti Malaya pada bulan Januari

2000. Demikian juga Prof. Dr. Ataullah Bogdan Kopanski dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang membantu saya berhubung dengan peradaban Barat moden dan kesannya terhadap umat Islam. Tanpa bantuan, dorongan serta tunjuk ajar tersebut, disertasi ini tidak mungkin dapat disiapkan. Akhir sekali saya mendoakan semoga Tuhan memberikan balasan yang sewajarnya kepada semua pihak yang membantu saya, sama ada secara langsung ataupun tidak, dalam penulisan disertasi ini.

Wan Mohamad Marzuqi bin Wan Hashim
AGC99004
1 Mei 2002

KEPENDEKAN

C.A.P.F.I.	Centre for the attraction and Promotion of Foreign Investment (Pusat Tarikan dan Promosi Pelaburan Asing)
CIA	Central Intelligence Agency (Agensi Perisikan Pusat)
H	Hijrah
M	Masihi
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
S.M.	Sebelum Masihi
S.A.V.A.K.	Sazman-e Ettala'at Va Amniyat-e Keshvar (Pertubuhan Keselamatan Negara dan Maklumat)
USD	United States Dollar

KANDUNGAN

ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
KEPENDEKAN	iv
 PENDAHULUAN	 1
 BAB 1	
LATARBELAKANG NEGARA DAN BANGSA IRAN	14
1.1 GEOGRAFI	14
1.2 MASYARAKAT	15
1.3 SEJARAH	19
 BAB 2	
SYIAH DAN PERTEMBUGAN PERADABAN	23
2.1 SEJARAH RINGKAS SYIAH	24
2.2 SUMBANGAN ULAMA SYIAH TERHADAP IDEA ANTI-BARAT	28
2.3 IDEA REVOLUSI AYATOLLAH KHOMEINI	36
 BAB 3	
BARAT DAN PERTEMBUGAN PERADABAN	49
3.1 HUBUNGAN IRAN-BARAT	49
3.2 PENGARUH BARAT MELALUI KESELAMATAN	55

3.3	KEMEROSOTAN KUASA POLITIK IRAN	60
3.4	KONFLIK KEPENTINGAN EKONOMI	64
3.5	PERTEMBUNGAN BUDAYA ISLAM-BARAT	69
 BAB 4		
	SUMBANGAN GOLONGAN INTELEKTUAL DALAM PERTEMBUNGAN PERADABAN	74
4.1	SUMBANGAN SAYYID JAMALUDDIN AL-AFGHANI TERHADAP IDEA REVOLUSI 1979	76
4.2	IDEA REVOLUSI ALI SHARIATI	79
4.3	IDEA ANTI-BARAT JALAL AL-E AHMAD	87
 BAB 5		
	REVOLUSI ISLAM IRAN DAN PERTEMBUNGAN PERADABAN	90
5.1	KESAN PERTEMBUNGAN PERADABAN	92
5.2	JATI DIRI ISLAM DAN NILAI-NILAI BARAT	101
5.3	REVOLUSI 1979 PENGHALANG NILAI BARAT	105
 PENUTUP		111
 BIBLIOGRAFI		118

PENDAHULUAN

Persoalan jati diri merupakan perkara penting yang sentiasa diberikan perhatian serta dititikberatkan oleh hampir seluruh bangsa dan umat manusia. Jati diri yang dimiliki oleh sesuatu bangsa atau umat itu sememangnya menjadi suatu yang dibanggakan oleh umat tersebut kerana ia bukan sahaja menjadi bukti kewujudan bangsa itu tetapi juga dipandang sebagai sesuatu yang unik yang membezakannya daripada umat lain. Timbulnya persoalan ini adalah kesan daripada wujudnya umat manusia secara kelompok dan puak yang seterusnya membentuk bangsa dan suku bangsa kesan daripada umat manusia cuba memperkenalkan diri masing-masing melalui pengenalan kelompok dan puak tersendiri. Keadaan tersebut berlaku sejak zaman-berzaman, menjadikan umat manusia diketahui berpecah kepada bangsa dan puak.

Di dalam kitab suci Al-Qur'an sendiri ada dinyatakan bahawa manusia telah diciptakan berbangsa-bangsa dan berpuak-puak¹. Perpecahan umat manusia ini sememangnya merupakan bukti kekuasaan dan kebesaran Tuhan sebagai pencipta dan pentadbir segala urusan di seluruh alam agar setiap individu dapat meyakini keesaanNya. Di samping itu juga, ia memberi peluang kepada setiap umat manusia mengenali di antara satu sama lain supaya masing-masing memiliki perasaan hormat-menghormati.

¹ Sila rujuk Surah al-Hujurat (49:13) dalam Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Qur'an*, Jilid 15, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 2000), hlm. 111-113.

Kewujudan bangsa atau umat tertentu dapat diketahui dan dikenali dengan adanya sesuatu yang mempamerkan kelainan serta keistimewaan pada kehidupan setiap anggota masyarakatnya meskipun fenomena tersebut tidak begitu dihargai oleh bangsa dan umat lain. Inilah yang membentuk jati diri umat berkenaan. Pembentukan jati diri sesuatu umat sememangnya mengambil masa yang panjang dan memerlukan pengorbanan setiap individu dalam semua peringkat dan strata kehidupan. Jati diri umat dibentuk melalui penerimaan dan penghayatan nilai-nilai kehidupan berbudaya yang dipersetujui oleh ahli masyarakat. Nilai-nilai ini merangkumi seluruh aspek kehidupan harian manusia seperti politik, ekonomi dan sosial. Ia diterima oleh hampir kesemua anggota masyarakat berkenaan sama ada secara langsung ataupun tidak. Ia merupakan perkara penting yang menentukan maju atau mundur sesuatu bangsa yang mendokonginya. Sebaliknya tanpa nilai-nilai tersebut, sesuatu bangsa pasti tidak akan mampu meneruskan kewujudannya kerana ia tidak memiliki jati diri yang dapat digunakan bukan sahaja sebagai alat pengenalan dirinya tetapi juga sebagai benteng yang membolehkan ia mempertahankan kewujudannya. Bangsa yang gagal memelihara serta mengekalkan jati dirinya tidak akan mampu bertahan kerana ia pasti akan tertarik dan terserap ke dalam bangsa lain yang memiliki jati diri yang lebih kukuh.

Kecintaan dan keagungan terhadap nilai-nilai kehidupan berbudaya seterusnya memberikan peluang kepada kelompok bangsa yang mendokonginya membentuk peradaban tersendiri. Keadaan ini berlaku apabila setiap ahli masyarakat dan bangsa berkenaan telahpun menjadi sehati dengan nilai-nilai yang mereka terima

dan hayati. Dengan kata lain, pemisahan nilai-nilai tersebut dari kehidupan mereka adalah dianggap mustahil dan tidak boleh diterima. Jika sekiranya terdapat sebarang percubaan untuk memisahkan nilai-nilai kehidupan daripada bangsa berkenaan, ia sudah pasti akan mendapat tentangan serta reaksi yang agresif daripada setiap ahli masyarakat. Bahkan hampir setiap anggotanya sanggup menghadapi cabaran dan rintangan demi mempertahankan jati diri mereka, kerana masing-masing berkeyakinan bahawa sebarang kehilangan atau kecacatan pada peradaban yang telah dibentuk dan diwarisi sudah pasti akan membawa kepada kemusnahan dan kehancuran bangsa berkenaan.

Agama merupakan faktor penting dalam menentukan bentuk serta corak peradaban sesebuah masyarakat. Melalui agama, institusi budaya dalam kehidupan masyarakat manusia dapat ditegakkan serta dikembangkan kerana agama merupakan teras kepada pembentukan jati diri sesebuah bangsa. Selama mana sesuatu bangsa itu mampu mengamalkan serta menghayati nilai-nilai agama dalam kehidupan mereka, maka selama itulah jati diri peradaban mereka dapat dikekalkan. Kemasukan nilai-nilai asing ke dalam sesebuah masyarakat yang sudah sekian lama mengenali dan menghayati budaya warisan mereka dianggap sebagai satu fenomena yang boleh menimbulkan suasana yang tidak sihat dalam kehidupan rakyat tempatan. Apatah lagi jika kemasukan tersebut adalah menerusi proses penjajahan sesebuah bangsa yang memiliki nilai serta cara hidup yang sama sekali berlainan daripada bangsa yang dijajah. Dengan kata lain, kemasukan nilai-nilai yang dipaksa merupakan satu pencerobohan ke atas peradaban tempatan yang memungkinkan berlakunya

penghakisan serta penghapusan jati diri masyarakat setempat sama ada secara langsung ataupun sebaliknya. Memanglah tidak dinafikan bahawa kadangkala kemasukan nilai-nilai asing sama ada oleh pendatang dari luar mahupun rakyat tempatan boleh membawa kebaikan kepada masyarakat setempat yang selama ini tidak pernah menyedari kelemahan dan kepincangan yang wujud dalam kehidupan seharian mereka. Sama ada disedari ataupun tidak, nilai-nilai asing yang bersifat positif mampu mengubah serta memimpin sesebuah masyarakat ke arah suasana yang lebih baik.

Pertembungan peradaban berlaku apabila timbulnya ancaman peradaban luar ke atas peradaban tempatan sama ada dalam bentuk politik, ekonomi mahupun sosial. Dalam kes Iran, pertembungan di antara peradaban Islam yang sejak sekian lama bertapak dalam kehidupan masyarakat Parsi dan peradaban Barat yang dipaksa ke atas masyarakat tersebut oleh regim yang memerintah menjadi faktor utama meletusnya Revolusi Islam 1979 yang menamatkan sistem beraja di negara tersebut.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemerosotan dan kemunduran umat Islam seringkali dikaitkan dengan pengaruh Barat yang dilihat sebagai banyak membawa kerosakan kepada sistem kehidupan masyarakat Timur. Kedatangan orang-orang Eropah yang membawa nilai-nilai peradaban Barat ke negara-negara Timur melalui proses penjajahan menyebabkan berlakunya hakisan ke atas nilai-nilai peradaban Timur sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Oleh kerana bangsa Iran merupakan sebahagian

daripada bangsa Timur yang sedang menghadapi kemelut keruntuhan nilai-nilai budaya, maka ia turut sama menerima kesan kedatangan masyarakat Barat. Kehadiran kuasa-kuasa Barat dengan sistem politik dan ekonomi yang lebih tersusun dan terkawal berbanding dengan apa yang dimiliki oleh kuasa-kuasa Timur menyebabkan pihak Barat berjaya menerapkan nilai-nilai budaya mereka ke dalam masyarakat tempatan. Kemasukan dan pengukuhan nilai-nilai kebudayaan Barat moden ke dalam masyarakat Iran telah dilihat sebagai satu ancaman yang bakal menghancurkan dan menghapuskan peradaban yang telah dibina sejak sekian lama. Ditambah pula dengan pengaruh peradaban Barat yang dilihat sebagai berpaksikan ajaran Kristianiti, walaupun pada hakikatnya nilai-nilai keagamaan sudah tidak lagi berpengaruh di kalangan masyarakat Barat masakini, yang bertentangan dengan Islam yang menjadi agama anutan sebilangan besar masyarakat Iran, maka kehadiran tersebut telah mencetuskan pertembungan peradaban di antara Timur dan Barat dari sudut geografi; Islam dan Kristian dari sudut agama.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian dalam disertasi ini ialah untuk menganalisis persoalan pertembungan di antara peradaban Islam yang menjadi pegangan teras kepada masyarakat Islam Iran dan peradaban Barat moden yang diterapkan secara langsung oleh regim yang berkuasa dalam usaha melahirkan sebuah negara dan bangsa yang maju sebagaimana negara dan bangsa Barat moden yang telah mencapai satu tahap kemajuan kebendaan yang dikagumi oleh kebanyakan bangsa dan umat manusia di seluruh dunia. Negara Iran telah dipilih sebagai tumpuan dalam kajian pertembungan

di antara peradaban Islam dan Barat moden memandangkan kejayaan yang telah dicapai oleh rakyat dan umat Islam negara tersebut dalam menghadapi arus cabaran peradaban Barat moden yang begitu kuat pengaruhnya ke atas kehidupan umat Islam khususnya dan masyarakat Timur amnya.

SKOP KAJIAN

Persoalan utama dalam kajian ini ialah perbincangan tentang pertembungan di antara peradaban Islam dan Barat yang membawa kepada meletusnya Revolusi Islam Iran pada tahun 1979. Ia merangkumi faktor-faktor penting seperti pengaruh ulama Syiah yang merupakan nadi dalam menggerakkan penentangan rakyat Iran secara besar-besaran terhadap regim yang berkuasa di negara tersebut, pengaruh Barat ke atas sistem kehidupan rakyat, dan peranan golongan intelektual Iran yang mengukuhkan lagi perpaduan rakyat dalam menghadapi pertembungan di antara kedua-dua buah peradaban besar di negara berkenaan.

METODOLOGI KAJIAN

Penulis telah menggunakan beberapa kaedah seperti rujukan daripada bahan-bahan bercetak sama ada dalam bahasa Inggeris mahupun bahasa Melayu. Pada umumnya, penulis banyak bergantung kepada bahan bercetak dalam bahasa Inggeris memandangkan kebanyakan bahan rujukan adalah dalam bahasa tersebut. Penulis memperolehi bahan rujukan ini dari beberapa tempat seperti perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, perpustakaan Pusat Islam, dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Selain dari itu, penulis juga

mendapat bantuan maklumat daripada dua orang tokoh akademik asing berhubung dengan isu pertembungan peradaban. Mereka ialah Prof. Dr. Mahmoud dari Universiti Isfahan, Iran yang telah memberikan maklumat serta gambaran tentang pengaruh Syiah dalam masyarakat Islam Iran. Maklumat tersebut telah disampaikan sewaktu kunjungan beliau ke Universiti Malaya pada bulan Januari 2000, dan Prof. Madya Dr. Ataullah Bogdan Kopanski dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menerangkan tentang perkembangan pengaruh Barat serta kesannya terhadap masyarakat Islam sejagat.

SUMBER KAJIAN

Analisis tentang pertembungan di antara peradaban Islam dan Barat di Iran adalah berdasarkan dua sumber penulisan iaitu primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada buku tulisan Dr. Ali Shariati iaitu **On the Sociology of Islam**² yang menghuraikan persoalan identiti dan peradaban. Dr. Ali Shariati antara lainnya menjelaskan perlunya dilaksanakan dua revolusi iaitu nasional dan sosial dalam masyarakat Iran demi untuk memastikan peradaban Islam tetap terpelihara sewaktu menghadapi arus gelombang peradaban Barat yang semakin memuncak di seluruh dunia Islam. Meskipun buku tersebut ditulis dalam bahasa Parsi, namun terjemahannya dalam bahasa Inggeris oleh Hamid Algar membolehkan penulis memahami kandungannya.

² Sila lihat Dr. Ali Shariati, **On the Sociology of Islam**, (Berkeley: Mizan Press, 1979)

Sebuah lagi buku yang merupakan sumber primer ialah **Shiite Islam**³ hasil tulisan Sayyid Mohammad Husain Tabataba'i, salah seorang pemimpin Syiah Iran yang pernah menjawat beberapa jawatan penting dalam kerajaan Republik Islam Iran. Di dalam buku tersebut, beliau menghuraikan konsep Imamiyah yang menjadi teras dalam aqidah masyarakat Syiah di Iran. Bagi beliau, seseorang penganut Syiah yang tulen sewajibnya mengakui kewujudan dua belas imam dari keturunan Sayyidina Ali serta kedudukannya yang setaraf dengan para rasul. Para Imam inilah khususnya yang terakhir dipercayai sebagai penyelamat umat Islam dari penindasan dan kezaliman golongan kuffar.

Selain itu, penulis juga ada membuat rujukan dari sumber-sumber sekunder, umpamanya hasil tulisan Fred Halliday, salah seorang sarjana Barat yang banyak membuat kajian tentang negara Iran. Di antara hasil tulisan beliau ialah **Iran: Dictatorship and Development**⁴ yang mengupas keadaan sebenar yang berlaku di negara Iran. Menurut beliau, pertentangan di antara rakyat Iran dan regim yang memerintah negara tersebut timbul hasil daripada ketidakpuasan hati masyarakat bawahan terhadap dasar-dasar pembaharuan yang hanya menguntungkan golongan tertentu dalam masyarakat tersebut sedangkan taraf kehidupan rakyat masih lagi berada di tahap yang sama. Beliau juga menjelaskan sikap oportunis kuasa-kuasa

³ Sila lihat Sayyid Muhammad Hussain Tabataba'i, **Shiite Islam**, (London: George Allen & Unwin Ltd., 1975)

⁴ Sila lihat Fred Halliday, **Iran: Dictatorship and Development**, (Middlesex: Penguin Books, 1981)

Barat yang membiarkan kekejaman regim diraja Iran terhadap rakyat kerana semata-mata ingin menjaga kepentingan ekonomi mereka di negara tersebut.

Sumber sekunder yang lain ialah **Khomeinism**⁵ hasil tulisan Ervand Abrahamian yang banyak menghuraikan falsafah pemikiran Ayatollah Ruhollah Khomeini serta sikap beliau terhadap golongan pemerintah Iran yang dilihatnya terlalu mendewa-dewakan kuasa Barat dalam pelbagai aspek kehidupan rakyat sehingga mengancam keutuhan peradaban Islam dan institusi ulama Syiah. Akibat tindakan tersebut, Khomeini membuat pentafsiran terhadap konsep kerajaan pimpinan ulama melalui apa yang dipanggil *Velayat-e-Faqih* yang seterusnya berjaya mempengaruhi masyarakat awam Iran yang rata-rata adalah penganut Syiah untuk bangkit menentang pengaruh peradaban asing yang berleluasa di negara berkenaan.

Sumber seterusnya ialah **Iran: Royalty, Religion, and Revolution**⁶ hasil tulisan seorang tokoh sarjana Iran sendiri yang bernama Sayyid Athar Abbas Rizvi. Beliau menjelaskan punca permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Islam Iran ialah kegilaan regim Shah terhadap pemodenan negara agar setanding dengan kuasa Barat sehingga akhirnya kedaulatan negara dan peradaban Islam di negara tersebut mula tercabar berikutan berleluasanya kemasukan pengaruh dan ideologi kapitalis dari Barat. Dasar pemodenan yang dilaksanakan oleh regim Shah, menurutnya, tidak

⁵ Sila lihat Ervand Abrahamian, **Khomeinism**, (London: I.B.Tauris & Co., 1993)

⁶ Sila lihat Sayyid Athar Abbas Rizvi, **Iran: Royalty, Religion, and Revolution**, (Canberra: Ma'rifat Publishing House, 1980)

lebih daripada menipu rakyat awam kerana pada hakikatnya kehidupan masyarakat Iran khususnya yang tinggal di desa masih dalam keadaan tidak berubah. Atas sebab inilah revolusi rakyat tercetus pada 1979 hasil daripada rasa tidak puas hati serta kebencian rakyat yang semakin memuncak kepada regim Shah yang dianggap sebagai pengkhianat negara, dan kuasa Barat yang dilihat sebagai cuba menghancurkan peradaban Islam di Iran.

Berikutnya ialah hasil tulisan seorang lagi tokoh sarjana Iran iaitu Manochehr Dorraj dalam bukunya **From Zarathustra To Khomeini**⁷ yang membuat kupasan mengenai peranan golongan tertentu khususnya para intelektual Iran dan juga golongan ulama Syiah dalam menggerakkan kebangkitan rakyat menentang apa yang dipanggil ketidakadilan sosial di negara Iran. Di dalam bukunya, Manochehr Dorraj membahagikan golongan cendekiawan ini kepada beberapa kumpulan seperti ulama Syiah yang menjadi tulang belakang dalam penentangan rakyat terhadap regim Shah dan kuasa Barat, golongan sarjana Iran yang mendapat pendidikan dari Barat yang terbahagi kepada dua kelompok iaitu kelompok sekular dan kelompok agama. Golongan ulama Syiah dan kedua-dua kelompok sarjana tersebut banyak menyumbang kepada kesedaran rakyat Iran tentang pentingnya mengekalkan jati diri sendiri dalam menghadapi gelombang ancaman peradaban asing yang semakin menular.

⁷ Manochehr Dorraj, **From Zarathustra To Khomeini**, (Colorado: Lynne Rienner Publishers, 1990)

Sumber rujukan seterusnya ialah dua buah hasil tulisan Nikki R. Keddie, seorang sarjana Barat, yang berjudul **Iran: Religion, Politics and Society**⁸ dan **Roots of Revolution**⁹. Nikki R. Keddie dalam buku pertamanya menghuraikan persoalan pokok yang menjadi punca meletusnya kebangkitan rakyat Iran menentang regim Shah dan sekutunya. Beliau memberikan beberapa alasan berhubung dengan faktor politik dan ekonomi yang dilihat sebagai pencetus gerakan penentangan rakyat Iran terhadap pemerintah negara tersebut. Dalam bukunya yang kedua pula, Nikki R. Keddie mengaitkan golongan ulama Syiah dalam kehidupan masyarakat Iran yang dilihatnya sebagai amat berpengaruh dalam menentukan hampir kesemua aspek kehidupan rakyat. Pengaruh ulama Syiah yang begitu kuat turut menjadi faktor penggerak kepada penentangan rakyat terhadap dasar pemodenan regim Shah yang didapati banyak membawa keburukan kepada rakyat berbanding dengan kebaikan, sehingga tercetusnya Revolusi 1979 yang membawa kepada kejatuhan regim Shah.

Selain itu, hasil tulisan Amin Banani yang berjudul **The Modernization of Iran 1921-1941**¹⁰ turut digunakan sebagai sumber rujukan dalam disertasi ini. Dalam buku tersebut, Amin Banani membuat huraian tentang dasar pembaharuan dan pemodenan bercorak Barat terhadap negara Iran oleh regim Qajar dalam usaha mereka menyaingi kekuatan bangsa Barat. Namun dalam banyak hal ternyata pembaharuan yang dibawa tidak banyak menguntungkan rakyat awam

⁸ Nikki R. Keddie, **Iran: Religion, Politics and Society**, (London: Frank Cass & Co., 1980)

⁹ Nikki R. Keddie, **Roots of Revolution**, (New Haven: Yale university Press, 1981)

¹⁰ Amin Banani, **The Modernization of Iran 1921-1941**, (California: Stanford University Press, 1961)

memandangkan ketidakmampuan mereka menghadapi arus perubahan zaman secara mendadak. Kesannya ialah meskipun negara Iran menerima pembaharuan yang pesat dari segi kemajuan material, namun taraf kehidupan rakyat masih lagi berada pada tahap sediakala. Keadaan inilah yang membawa kepada timbulnya perasaan kecewa di kalangan setengah rakyat Iran khasnya yang mendapat pendidikan dari Barat.

Seterusnya ialah hasil tulisan seorang pengkaji agama dari Barat yang bernama John L. Esposito dalam bukunya **The Islamic Threat: Myth or Reality?**¹¹. Dalam buku tersebut, John L. Esposito cuba memberikan penjelasan tentang faktor-faktor berlakunya penentangan umat Islam terhadap kuasa Barat di seluruh dunia. Beliau cuba mengaitkan penentangan tersebut dengan kegagalan pihak Barat memahami situasi sebenar yang wujud dalam kehidupan masyarakat Islam. Meskipun buku tersebut membicarakan persoalan umat Islam di seluruh dunia, ia juga turut mengutarakan persoalan pertembungan peradaban di antara pihak Islam dan Barat yang menyebabkan Islam seringkali dipandang serong oleh masyarakat Barat serta dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan Barat khususnya dan dunia amnya. Salah satu fenomena yang membawa kepada timbulnya fahaman sedemikian rupa di kalangan masyarakat Barat ialah Revolusi Islam Iran pada tahun 1979 yang menghapuskan penguasaan Barat ke atas bidang politik, ekonomi dan sosial negara berkenaan.

¹¹ Sila lihat John L. Esposito, **The Islamic Threat: Myth or Reality?**, (Oxford: Oxford University Press, 1995)

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam membuat analisis ini, beberapa masalah telah dikenalpasti, umpamanya, terdapat ketidakseimbangan dalam hujah-hujah yang dikemukakan oleh pelbagai pihak sama ada Iran yang mewakili Islam Syiah, bukan Iran yang mewakili Islam Sunnah dan Barat. Setiap pihak mengemukakan bukti tersendiri dalam menegakkan kebenaran masing-masing. Selain itu, terdapat juga hujah-hujah yang dikira sebagai berat sebelah dalam menghuraikan sesuatu fakta. Misalnya, perbincangan tentang konsep *Velayat-e-Faqih* seringkali menimbulkan kekeliruan apabila ia diberikan penghuraian oleh sumber yang berlainan. Bagi pihak Syiah, konsep tersebut dilihat sebagai penting kerana ia merupakan tonggak kepada pembentukan negara Islam yang bebas daripada sebarang unsur yang tidak sihat khasnya yang didatangkan dari Barat, manakala sebahagian daripada pihak Sunnah pula melihatnya sebagai sesuatu yang tidak lebih daripada propaganda golongan ulama Syiah terutamanya Ayatollah Ruhollah Khomeini dalam memperolehi kuasa politik di negara tersebut. Tambahan pula, penulisan disertasi ini tidak dilakukan di negara Iran, tempat di mana berlakunya Revolusi 1979. Oleh yang demikian, fakta-fakta yang dikumpulkan adalah terhad. Walau bagaimanapun, faktor-faktor seperti politik, ekonomi dan sosial memang tidak dapat dinafikan memandangkan ketiganya amat berkait rapat dalam kehidupan setiap bangsa.